

STRATEGI PELAKSANAAN

PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT

PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : OUTDOOR LEARNING CENTRE
FUNGSI : TERAPY AND REHABILITASY / AKTIVITI LUAR
TAJUK/ TEMA : BERSIHKAH GIGI SAYA?

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	FK 5.1	Mengaplikasi kemahiran membuat keputusan dalam konteks kesihatan diri dan reproduktif.
2	STANDARD PEMBELAJARAN	FK 5.1.7 (5+)	Mempraktikkan cara menjaga kebersihan i. Anggota badan
3	STREAM	S	Fungsi alat/bahan yang digunakan untuk mengosok gigi.
		T	kayu sugi – berus gigi – berus elektronik
		R	Sikap toleransi dalam pergaulan.
		E	Mengetahui arah yang betul menggosok gigi
		A	Membuat pergerakan.
		M	Mengenal pasti kuantiti ubat gigi
4	OBJEKTIF PEMBELAJARAN		Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak Mempraktikkan cara menjaga kebersihan oral.
5	BBM		Berus gigi, ubat gigi, air, cawan, replika gigi, tikar, kon, pundi kacang dan <i>Stepping Stone (Reflexology)</i> .
6	NILAI MURNI		Kanak-kanak dapat mengetahui kepentingan mengosok gigi.
7	STRATEGI PELAKSANAAN		<ol style="list-style-type: none"> 1. Kanak-kanak bersoal jawab bersama guru tentang penjagaan gigi <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berapa kali kanak-kanak perlu mengosok gigi setiap hari? • Kenapa perlu mengosok gigi?

- Apa kesan jika tidak menggosok gigi?
 - Siapa pernah melakukan rawatan pergigian?
 - Kenapa perlu melakukan rawatan pergigian?
 - Bagaimanakah cara menggosak gigi yang betul?
2. Selepas bersoal jawab kanak-kanak akan diberikan lembaran kerja langkah-langkah menggosok gigi.
3. Seterusnya, kanak-kanak dibawa keluar dan dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada 5 orang kanak-kanak setiap kumpulan.
4. Setiap ahli kumpulan perlu melalui halangan:
- a) Halangan 1: Melakukan Aktiviti Berguling.**
 Kanak-kanak yang pertama perlu melakukan aktiviti berguling di atas tikar yang disediakan seterusnya kanak-kanak perlu berlari ke arah kon dan berpatah balik ke garisan permulaan untuk kanak-kanak seterusnya.
- b) Halangan 2: Menjunjung Pundi Kacang Di Atas Kepala.**
 Kanak-kanak yang ke-2 perlu mengambil pundi kacang dan menjunjung pundi kacang sambil mendepakan tangan sehingga sampai di kon, kanak-kanak perlu berpatah balik ke garisan permulaan.
- c) Halangan 3: Berjalan Melalui Batu Reflexology.**
 Kanak-kanak yang ke-4 perlu ke arah batu *reflexology* dan membuka kasut terlebih dahulu untuk berjalan di atas batu tersebut dan memakai kasut sebelum berpatah semula ke garisan permulaan.
- d) Halangan 4: Mengosok/ Memberus Model Gigi**
 Kanak-kanak yang terakhir perlu membawa peralatan memberus gigi yang telah disediakan untuk memberus/ mengosok model gigi yang kotor dengan cara yang betul sehingga bersih.
5. Kumpulan yang menyelesaikan aktiviti dengan masa yang singkat dipilih sebagai pemenang.